

# NFCorp belum buat bayaran balik pinjaman

KUALA LUMPUR 19 Mac - National Feedlot Corporation (NFCorp) masih belum memulakan pembayaran balik pinjaman kerajaan berjumlah RM250 juta yang sepatutnya bermula Januari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Azmi Khalid (**gambar**) berkata, pinjaman itu sepatutnya telah mula dibayar balik tahun ini selepas perjanjian pinjaman ditandatangani pada 6 Disember 2007 lalu.

"Memang ada jadual pembayaran balik, tapi daripada apa yang difahamkan, NFCorp masih belum bayar lagi dan ini berikutan isu kontroversi dalam kes ini," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat PAC bersama pegawai-pegawai Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tanri di Parlimen di sini hari ini.

Pada 12 Mac lalu, Pengarah NFCorp, Datuk Salleh Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan pecah amanah melibatkan RM49.7 juta milik syarikat tersebut.

Isu NFCorp berbangkit berikutan Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang menyatakan ia gagal memenuhi matlamat penubuhannya manakala beberapa pihak mendakwa berlaku penyelewengan dalam pengurusan dana syarikat itu.

NFCorp dalam kenyataan di laman portalnya menyatakan, mereka telah menerima pinjaman pertama berjumlah RM7 juta pada Januari 2008, yang mana pinjaman berskala besar secara berperingkat itu perlu dibayar balik dalam tempoh 20 tahun dengan kadar faedah dua peratus setahun.

Jelas Azmi, PAC akan berjumpa dengan wakil daripada syarikat NFCorp di Parlimen esok untuk menyiapkan laporan mengenai isu perbadanan itu.

Jelasnya, siasatan PAC berhubung isu tersebut tidak akan bertindih dengan pendakwaan kes di mahkamah dan pihaknya akan memberi penekanan mengenai sistem tawaran serta pemantauan sesebuah projek.

"Kita sedia maklum bahawa sesetengah perkara dalam kes ini mungkin subjidis dan mengganggu perbicaraan mahkamah, namun ini bukan kali

pertama kita membangkitkan kes-kes yang sedang dibicarakan di mahkamah.

"Yang mana kita tidak boleh bangkitkan perkara yang ada kaitan dengan mahkamah, kita tidak akan bangkitkan," katanya.

Sementara itu, NFCorp menjelaskan bahawa NFCorp telah menulis surat kepada kerajaan bagi meminta penangguhan pembayaran balik pinjaman akibat penangguhan pembinaan sebuah rumah penyembelihan kualiti eksport dan infrastruktur oleh pihak ketiga di Gemas, Negeri Sembilan seperti Laporan 2010 Ketua Audit Negara.

Menurut kenyataan NFCorp, berdasarkan perjanjian pelaksanaan dan mesyuarat dengan pihak kerajaan, rumah penyembelihan sepatutnya telah siap dibina pada 2008 dan disewaikan kepada NFCorp bagi menuju sasaran pengeluaran.

Jelas kenyataan itu, bagaimanapun, sehingga hari ini, rumah penyembelihan itu masih belum dibina dan tertangguh selain kelewatan pembinaan infrastruktur iaitu 7.5 km jalan konkrit ke NCF dan sistem air yang terdiri daripada kolam renang, paip dan telaga.

"Ekoran itu, NFCorp mengalami kerugian dalam unjur'an perolehan kerana pengeluaran daging lembu terganggu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

